

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) apakah keputusan Rakan Pelaksana Projek (PDP) Lebuh Raya Pan Borneo yang baharu di Sarawak dan berapakah kos yang dapat dijimat selepas PDP Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah telah dimansuhkan; dan

- (b) apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dijalankan dengan lancar serta memastikan jalan sedia ada adalah selamat digunakan terutamanya jalan dari Sibu ke Bintulu/Miri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo sedang diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, perubahan kaedah pelaksanaan daripada model Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*) kepada kaedah konvensional telah memberi penjimatan kepada Kerajaan khususnya tiada pembayaran yuran dan kos operasi PDP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penelitian semula bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak masih berjalan dengan mengambil kira kaedah alternatif terbaik yang tidak menjaskan kelangsungan dan aspek keselamatan projek yang dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Sarawak akan memastikan Kontraktor Pakej Kerja yang dilantik menyiapkan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak mengikut spesifikasi, jadual dan selamat digunakan oleh pengguna jalan raya khususnya dari Sibu ke Bintulu/Miri.

Sekian, terima kasih.